



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
جامعة إسلامية عالمية ماليزيا

Registration No. 101067-P

Garden of Knowledge and Virtue



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI



PERATURAN AM PERTANDINGAN LIGA FUTSAL IPT (LFIPT) (Pindaan Januari 2022)

**PERATURAN AM PERTANDINGAN
LIGA FUTSAL IPT (LFIPT)
(Pindaan Januari 20228)**

PERKARA 1: NAMA KEJOHANAN

1.1. Pertandingan ini dinamakan Liga Futsal IPT atau singkatannya **LFIPT**

PERKARA 2: PELAKSANA

- 2.1 LFIPT ini dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama International Islamic University Malaysia (IIUM) selaku Urusetia Kejohanan dan bantuan Teknikal oleh Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).
- 2.2 Bagi maksud pelaksanaan, Penganjur (KPT) bertanggungjawab mengenai perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa dan mandat pelaksanaan kepada Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan oleh Penganjur.
- 2.3 Adalah menjadi tanggungjawab pelaksana menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan LFIPT kepada Badan/Persatuan sukan dan IPT terpilih yang terlibat di dalam pengelolaan dan Majlis-Majlis Sukan IPT yang terlibat di dalam penyertaan LFIPT.

PERKARA 3: TAKRIF / TAFSIRAN

3.1 UMUM

- 3.1.1 "IIUM" atau International Islamic University Malaysia bermakna Penganjur atau Urusetia Kejohanan yang akan bertanggungjawab mengelola semua perkara-perkara bukan teknikal dalam Kejohanan ini.
- 3.1.2 "IPT" bermakna Institusi Pendidikan Tinggi.
- 3.1.3 "FAM" bermakna Persatuan Bolasepak Malaysia.
- 3.1.4 "PENGANJUR" bermaksud Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mempunyai punca kuasa penganjuran.

- 3.1.4 "JKP" bermakna Jawatankuasa Pelaksana bagi pihak Penganjur (KPT) yang mempunyai kuasa dan hak ke atas pengurusan dan Bukan Teknikal LFIPT.
- 3.1.5 "JKTP" bermakna Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan yang akan bertanggungjawab ke atas semua hal berkaitan dengan perkara-perkara Teknikal di dalam pengelolaan LFIPT.
- 3.1.7 "JKT" bermakna Jawatankuasa Tata tertib bagi pihak Penganjur (KPT) yang mempunyai kuasa dan hak ke atas siasatan dan pertuduhan pelanggaran pengurusan dan Bukan Teknikal LFIPT.
- 3.1.8 "JKR" bermakna Jawatankuasa Rayuan bagi pihak Penganjur (KPT) yang mempunyai kuasa dan hak ke atas rayuan pertuduhan pelanggaran pengurusan dan Bukan Teknikal LFIPT.
- 3.1.9 "JKB" bermakna Jawatankuasa Bantahan bagi Penganjur (KPT) yang mempunyai kuasa dan hak ke atas sebarang bantahan rasmi.
- 3.1.10 "JKAD" bermakna Jawatankuasa Anti Doping bagi Penganjur (KPT) yang mempunyai kuasa dan hak ke atas sebarang urusan doping.

3.2 TEKNIKAL

- 3.2.1 "Aktiviti Bolasepak" bermakna apabila Pasukan, Pegawai atau Pemain atau sesiapa sahaja yang menyertai apa-apa aktiviti Bolasepak, Futsal, Bolasepak Pantai atau Bolasepak Wanita dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bersampingan dengannya dan termasuklah aktiviti-aktiviti seperti yang diputuskan atau di luluskan oleh FAM.
- 3.2.2 "Perlembagaan" bermakna Perlembagaan semasa Persatuan Bolasepak Malaysia.
- 3.2.3 "Peraturan" bermakna Peraturan Pertandingan LFIPT bagi kategori yang dipertandingkan serta termasuklah juga Peraturan Persatuan.
- 3.2.4 "Pertandingan" bermakna Liga Futsal IPT atau LFIPT yang merangkumi Liga Super, Liga Premier, Karnival Futsal IPT (Wanita) dan Piala LFIPT yang dipertandingkan.
- 3.2.5 "Pasukan" bermakna Pasukan yang disahkan penyertaannya di dalam Pertandingan oleh Penganjur.

- 3.2.6 "Pegawai" bermakna Pegawai Pertandingan dan Pegawai Pasukan.
- 3.2.7 "Pegawai Pertandingan" bermakna Pegawai Perlawanan, Pengarah Pertandingan, Penolong Pengarah Pertandingan, Koordinator Perlawanan, General Coordinator, Pengurus Venue, Pengurus Pertandingan, Penilai Pengadil, Venue Koordinator, Kumpulan Pengadil, Pegawai Keselamatan, Pegawai Media, Ahli Jawatankuasa Futsal dan Bolasepak Pantai, FAM, Ahli Jawatankuasa Keselamatan, Ahli Jawatankuasa Tatatertib dan mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menjalankan tugas bagi pihak JKP dan FAM dalam suatu perlawanan atau Pertandingan.
- 3.2.8 "Pegawai Pasukan" bermakna Ketua Jurulatih, Pengurus Pasukan, Penolong Pengurus Pasukan, Jurulatih 1 (Kecergasan), Jurulatih 2, Pembantu Pasukan dan seorang First Sports Aider atau juru pulih bertauliah (fisio).
- 3.2.9 "Peraturan Persatuan" bermakna Perlembagaan Persatuan, peraturan, atau mana-mana peraturan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa kecil Persatuan, Jawatankuasa Perundangan, Jawantankuasa Khas, Majlis, Jawatankuasa Eksekutif, Undang-undang Kecil, Kontrak, Perjanjian Pengelolaan Perlawanan dan termasuklah Pekeliling, Siaran atau apa-apa arahan secara bertulis yang dikeluarkan oleh JKP dan FAM dari semasa ke semasa.
- 3.2.10 "Pendaftaran Perlawanan / "Start List" bermakna sejumlah Pemain yang layak bermain didaftarkan di dalam borang-borang tertentu yang dikeluarkan oleh Penganjur untuk bermain di dalam satu-satu perlawanan Futsal.
- 3.2.11 "Pemain dan Pegawai tidak layak" bermakna mana-mana Pemain dan Pegawai yang tidak diluluskan dan tidak disahkan pendaftarannya oleh Penganjur atau masih menjalani hukuman kerana kesalahan melanggari Peraturan Persatuan atau Undang-undang
- 3.2.12 "PTR" bermakna Pasukan Tuan Rumah yang mana disebut dahulu dalam jadual pertandingan.
- 3.2.13 "PL" bermakna Pasukan Pelawat yang mana disebut sebagai Pasukan kedua dalam jadual pertandingan.

PERKARA 4: KELAYAKAN

4.1 PASUKAN

- 4.1.1 Pasukan yang layak menyertai Pertandingan seperti di tetapkan JKP adalah terbuka kepada pasukan lelaki dan wanita semua Institusi Pengajian Tinggi yang berdaftar dengan PENGANJUR (KPT) terdiri dari Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej Komuniti, Politeknik dan pasukan jemputan (jika perlu).

Komposisi pasukan adalah seperti berikut;

- a) Universiti Awam: mengikut Universiti dan negeri
- b) Universiti Swasta: mengikut Universiti dan negeri
- c) Politeknik: Politeknik Malaysia
- d) Kolej Komuniti: Kolej Komuniti Malaysia
- e) Universiti Teknologi Mara: mengikut negeri

- 4.1.2 Hanya satu pasukan sahaja dibenarkan mewakili IPT mengikut Universiti dan negeri bagi setiap kategori yang dipertandingan di dalam pertandingan ini.

- 4.1.3 Yuran penyertaan dikenakan mengikut liga seperti berikut;

- a) **Pusingan Kelayakan LFIPT** sebanyak **RM 200.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus sahaja) untuk setiap satu (1) pasukan.
- b) **Liga Super & Liga Premier (L)** sebanyak **RM 400.00** (Ringgit Malaysia: Empat ratus sahaja) untuk setiap satu (1) pasukan dan bagi dua (2) pusingan atau fasa.
- c) **Karnival Futsal IPT (Wanita)** sebanyak **RM 200.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja) untuk setiap satu (1) pasukan.
- d) **Piala LFIPT** tiada sebarang bayaran; atau ditentukan oleh PENGANJUR (KPT).

- 4.1.4 Mana-mana pasukan yang gagal membuat pembayaran mengikut tempoh yang diberikan akan mengakibatkan pendaftaran pasukan dibatalkan.
- 4.1.5 Setiap pasukan **TIDAK DIBENARKAN** bergabung atau mengambil atau mendaftar mana-mana pemain IPT daripada negeri lain walaupun IPT yang sama kecuali pasukan membuat permohonan secara rasmi dan diluluskan oleh Penganjur.
- 4.1.6 Pasukan-pasukan yang bertanding perlu mengambil kira perkara-perkara berikut: -
- a) Semua pasukan dibenarkan bermain di dalam Pusingan Kelayakan LFIPT dengan mendaftar secara "on line" kepada JKTP mengikut tarikh yang ditetapkan dan diumumkan di dalam sesawang www.arenaipt.com.my (liga futsal IPT) bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang (14:00).
 - b) Mematuhi segala peraturan pertandingan dan keputusan yang dikeluarkan oleh Penganjur atau pihak berkuasa FAM dari semasa ke semasa.
 - c) Menerima dengan terbuka bahawa semua perkara berkaitan dengan pengurusan, disiplin dan pengadilan untuk pertandingan ini dibawa berbincang bagi menjalin kerjasama semua jawatankuasa berkaitan seperti yang terdapat dalam peraturan pertandingan.
 - d) Menerima segala persiapan pihak tuan rumah seperti yang ditetapkan dan dipersetujui oleh Penganjur dan FAM.
 - e) Pasukan yang menyertai Kejohanan ini adalah tertakluk kepada semua peraturan dan keputusan-keputusan JKP dan JKTP. Pasukan hendaklah sentiasa berpegang dan mengamal prinsip "Fairplay".
 - f) Penentuan pasukan-pasukan dalam Liga Super, Liga Premier, Karnival Futsal IPT (wanita) dan Piala LFIPT adalah ditentukan bersama oleh Penganjur dan JKTP.

- g) Semua IPT perlu bermain di dalam Pusingan Kelayakan bagi melayakan diri ke Liga Premier yang telah disahkan dan diumumkan.
- h) Kegagalan pasukan bermain di dalam Pusingan Kelayakan boleh mengakibatkan pasukan tersingkir terus daripada menyertai LFIPT.
- i) Bagi pasukan yang telah didaftarkan/ditetapkan oleh JKTP bagi bermain di dalam Liga Super, Liga Premier, Karnival Futsal IPT (wanita) dan Piala LFIPT hendaklah mengesahkan penyertaan di dalam tempoh yang ditetapkan di dalam sesawang **www.arenaipt.com.my** (liga futsal IPT) bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang.
- j) Setiap pasukan yang layak ke Liga Super, Liga Premier, Karnival Futsal IPT (wanita) dan Piala LFIPT **DIBENARKAN** untuk mendaftar atau mendapatkan khidmat tidak melebihi **lima (5)** orang pemain daripada mana-mana IPT dan tertakluk kepada perkara 4; Peraturan Am Pertandingan LFIPT.
- k) Setiap pasukan hendaklah mengemukakan **Borang Pinjaman Pemain (BPP)** kepada pasukan asal pemain IPT tersebut bagi tujuan kelulusan.
- l) Pasukan hendaklah mengemukakan **Sijil Pinjaman Pemain (SPP)** membuktikan bahawa pasukan asal pemain IPT tersebut mendapat pelepasan rasmi daripada IPT berkenaan kepada Urusetia bagi tujuan mendaftar pemain berstatus pinjaman.
- m) Borang **BPP** dan **SPP** boleh dimuat turun melalui sesawang **www.arenaipt.com.my** (liga futsal IPT).

4.2 PEMAIN

Setiap pasukan dibenarkan membuat pendaftaran seperti berikut:-

- 4.2.1 Hanya pemain yang terdiri dari pelajar yang berdaftar di Institusi Pengajian Tinggi yang sah berdaftar dengan Pengangur (KPM) iaitu dari Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan pasukan jemputan layak bermain di LFIPT.

- 4.2.2 Semua pelajar berdaftar yang tempoh pengajiannya **TIDAK KURANG 12 BULAN** di peringkat sijil, Diploma dan Ijazah yang ditawarkan Universiti Awam, Universiti Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti dan Pasukan jemputan layak bermain di dalam LFIPT.
- 4.2.3 Pemain yang terlibat didalam LFIPT **MESTILAH** berumur **TIDAK KURANG DARIPADA 17 tahun** dan **TIDAK MELEBIHI 25 tahun** pada 1 Januari tahun kejohanan LFIPT.
- 4.2.4 Pelajar yang telah disahkan layak bermain akan diberi lesen pemain. Pemain ini layak bermain mewakili pasukannya sepanjang tempoh musim kejohanan, kecuali keputusan sebaliknya iaitu dihalang atau digugurkan oleh JKTP ataupun JKP.
- 4.2.5 Semua pelajar berdaftar di peringkat Pasca siswazah layak menyertai kejohanan ini dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah IPT masing-masing.
- 4.2.6 Pelajar Pra U, Pra Diploma, Pra Ijazah, Matrikulasi dan Kursus Asasi yang **BUKAN** kendalian KPM adalah **TIDAK LAYAK** menyertai kejohanan ini.
- 4.2.7 Pelajar Kolej Bersekutu hanya **LAYAK** bermain untuk kolej berkenaan sahaja.
- 4.2.8 Hanya lima **(5)** orang sahaja pemain pelajar antarabangsa dibenarkan mendaftar di dalam setiap pasukan dan kelima-lima pemain dibenarkan berada di dalam gelanggang pada satu-satu masa permainan. Jika IPT berkenaan adalah seratus peratus (100%) adalah pelajar antarabangsa adalah terkecuali.
- 4.2.9 Seorang pemain hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja di dalam satu musim kecuali dengan hal-hal yang dibenarkan oleh Penganjur dan Peraturan Am Pertandingan LFIPT.
- 4.2.10 Setiap pasukan yang menyertai LFIPT hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- Pendaftaran pemain secara pendaftaran "on line" rasmi yang disediakan oleh JKTP dan Penganjur sahaja.
 - Pendaftaran hendaklah di buat oleh Pengurus atau wakil

pasukan di dalam tempoh yang ditetapkan oleh JKTP.

- c) Setiap pemain **WAJIB** menyertakan dokumen-dokumen di dalam **Perkara 5** dan hendaklah daripada salinan asal dan telah disahkan oleh Pengarah/Ketua Pusat/Unit Sukan IPT.
- d) Semua pemain digalakkan mempunyai insurans Kemalangan Diri, Hospital dan Surgeri.
- e) Pemain yang sedang menjalani hukuman tata tertib yang ditetapkan oleh Penganjur atau FAM (termasuklah pemain-pemain yang digantung kerana kes rasuah), pemain telah bersara dan mendapat wang ganjaran daripada FAM atau pemain yang sedang memohon untuk bersara tidak boleh didaftarkan atau bermain dalam LFIPT
- f) Mana-mana pemain yang telah berdaftar bagi tahun semasa berlangsungnya LFIPT adalah tidak boleh bermain dalam mana-mana pertandingan di peringkat kebangsaan, negeri atau daerah atau dalam sebarang pertandingan yang tidak mendapat kelulusan FAM.
- g) Jika Pemain yang telah didaftarkan dalam LFIPT bagi tahun semasa kejohanan dilangsung dan mendaftar dalam mana-mana pertandingan yang tidak diluluskan oleh FAM, maka Pasukan dan Pemain tersebut dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8.
- h) Sekiranya terdapat Pemain yang bekerja dan menyambung pengajian **WAJIB** mengemukakan Salinan Surat Pelepasan atau Akuan atau Pengesahan Majikan Sambung Belajar serta Surat Tawaran Pengajian oleh IPT berkenaan.
- i) Pemain-pemain yang pernah bermain atau didaftarkan di dalam Liga Malaysia iaitu Liga Super, Liga Perdana, Liga FAM, Piala Presiden dan Piala Belia **TIDAK LAYAK** bermain kecuali pemain-pemain Liga Bolasepak IPT.

j) Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar seramai **5 (lima)** orang pemain sahaja yang pernah bermain di dalam Malaysia Premier Futsal League (MPFL) pada tahun penganjuran LFIPT.

k) **Status pemain MPFL pasukan KPT-PST Mustangs;**

- i) Dilucutkan status sebagai pemain MPFL sekiranya mewakili pasukan IPT tempat pemain ini belajar; dan
- ii) Status pemain MPFL **TERPAKAI** jika pemain mewakili pasukan IPT lain dan tertakluk kepada Perkara 4; Perenggan 4.1.6 (j-l) Peraturan Am Pertandingan (pindaan Januari 2022)

4.3 PEGAWAI.

Setiap pasukan dibenarkan membuat pendaftaran seperti berikut: -

- 4.3.1 Mendaftar maksimum tujuh (7) orang Pegawai dan salah seorang mestilah **Ketua Jurulatih** dan seorang **Sports First Aider** kecuali diputuskan berlainan oleh JKP.
- 4.3.2 Ketua Jurulatih hendaklah mempunyai Lesen Tahap 2 Futsal AFC/FAM atau sekurang-kurangnya Lesen Tahap 1 Futsal AFC
- 4.3.3 *Sports First Aider* hendaklah mempunyai Sijil Diploma Sains Sukan atau setaraf dengannya.
- 4.3.4 Pengurus pasukan atau Pegawai pasukan, Ketua Jurulatih dan Ketua Pasukan **WAJIB** hadir Taklimat Pengurus Pasukan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JKTP. Jika **GAGAL** hadir, Pegawai atau wakil pasukan berkenaan tidak dibenarkan berada di bangku simpanan dan melatih pemain-pemain dan berada di kawasan bilik persalinan untuk perlawanan pertama melibatkan pasukannya. Walau bagaimanapun, JKTP berhak untuk menambah atau melanjutkan hukuman kepada pasukan yang terlibat jika keadaan memaksa berbuat demikian.
- 4.3.5 Pendaftaran Pegawai Pasukan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang disediakan oleh JKTP melalui sistem "on line" dan mesti dikemukakan dengan lengkap ke JKTP pada

masa dan tarikh yang ditetapkan serta mengemukakan dokumen-dokumen berikut: -

- a) Salinan pendua Kad Pengenalan Pelbagai Kegunaan bagi semua Pegawai. (KPPK-Kad Pengenalan Baru).
 - b) Salinan sijil Pegawai berkenaan seperti Sijil Kejurulatihan bagi Ketua Jurulatih atau lain-lain Jurulatih dan salinan sijil Sports Aider.
 - c) Gambar terbaru dalam masa SATU (1) bulan sebelum liga bermula.
 - d) Salinan kad Pekerja bagi yang bekerja dengan pasukan IPT atau Institusi/Jabatan yang lain.
 - e) Kesemua dokumen-dokumen berikut hendaklah disahkan oleh Pengarah atau Ketua di Pusat atau Unit Sukan IPT masing-masing.
- 4.3.6 Jika mengemukakan borang yang tidak lengkap, pihak JKTP berhak menolak permohonan pendaftaran tersebut.
- 4.3.7 Sekiranya terdapat **PEMALSUAN DOKUMEN** bagi mana-mana pasukan IPT di dalam Liga KFPT yang melibatkan pemain atau pegawai maka tindakan tatatertib boleh dikenakan atau tindakan berikut akan berkuatkuasa;
- a) Kes akan dirujuk untuk siasatan oleh Urusetia LFIPT di bawah JKP bagi tujuan siasatan lanjut.
 - b) Urusetia LFIPT akan menyediakan kertas siasatan bagi JKT untuk mendengar dan menentukan hukuman.
 - c) Pasukan atau pemain atau pegawai IPT yang terlibat semasa siasatan tidak akan dibenarkan menyertai atau terlibat di dalam mana-mana Liga sehingga kes diputuskan.

PERKARA 5: BILANGAN PEGAWAI DAN PEMAIN

5.1 Bilangan Pemain

- 5.1.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar senarai pemain yang mengandungi **TIDAK LEBIH** daripada **dua puluh lima (25)** melalui

sistem "on line" kepada Penganjur dan JKTP sebelum tarikh akhir pendaftaran.

5.1.2 Senarai nama pemain hendaklah mengandungi maklumat terperinci di bawah dan didaftarkan secara sistem "on line" di dalam sesawang www.arenaipt.com.my (liga futsal IPT)

a) Nama penuh pemain yang ditulis dengan jelas dan disertakan dokumen berikut;

- i. Resit Rasmi Pembayaran Pengajian atau "tuition fees" daripada Pejabat Bendahari atau Bahagian Kewangan IPT masing-masing;
- ii. Gambar terkini berukuran 35mm x 50mm (ukuran passport) setiap pemain yang diambil tidak melebihi sebulan sebelum pertandingan;
- iii. Salinan Kad Pelajar/Kad Matrik;
- iv. Salinan Kad Pengenalan bagi pelajar tempatan (Malaysian);
- v. Salinan Passport bagi pelajar Antarabangsa (International);
- vi. **I.T.C (Identification Transfer Certificate)** bagi pelajar antarabangsa yang baru terlibat dengan pasukan IPT;
- vii. Surat Tawaran Rasmi oleh IPT masing-masing; dan
- viii. Slip Peperiksaan pada tahun kejohanan.

b) Kesemua dokumen hendaklah disahkan oleh Pengarah atau Ketua di Pusat Sukan atau Unit Sukan IPT masing-masing dan semua dokumen ini hendaklah dibawa bersama semasa membuat pengesahan lesen kepada JKTP.

5.1.3 **I.T.C (Identification Transfer Certificate)** bagi pelajar antarabangsa yang baru terlibat dengan pasukan IPT hendaklah dihantar ke urusetia bagi tujuan penyelarasannya kepada FAM dan sekiranya masih belum menerima jawapan daripada FAM dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh permohonan maka Penganjur memberikan kelonggaran dan kebenaran bagi pemain tersebut terlibat di dalam mana-mana peringkat kejohanan.

5.2 Bilangan Pegawai

- 5.2.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar senarai pegawai Yang mengandungi **TIDAK LEBIH** daripada tujuh (7) orang melalui sistem "on line" kepada Pengajur dan JKTP sebelum tarikh akhir pendaftaran.
- 5.2.2 Senarai nama pegawai hendaklah mengandungi maklumat terperinci di bawah dan didaftarkan secara sistem "on line" di dalam sesawang www.arenaipt.com.my /liga futsal IPT.
- 5.2.3 Nama penuh pegawai yang di taip dengan jelas dan disertakan dokumen berikut:-
- a) Gambar terkini berukuran **35mm x 50mm** (size passport) setiap pegawai yang diambil tidak melebihi sebulan sebelum pertandingan;
 - b) Salinan Kad Pekerja bagi yang bekerja dengan pasukan IPT masing-masing;
 - c) Salinan lesen 'C' kejurulatihan bolasepak atau Futsal bagi Ketua Jurulatih pasukan IPT;
 - d) Salinan Sijil Diploma Sains Sukan/Sports First Aider atau setaraf; dan
 - e) Kesemua dokumen hendaklah disahkan oleh Pengarah atau Ketua di Pusat Sukan atau Unit Sukan IPT masing-masing dan kesemua dokumen ini hendaklah di bawa bersama semasa membuat pengesahan lesen kepada JKTP.

PERKARA 6: TANGGUNGJAWAB PASUKAN ATAU PEGAWAI ATAU PEMAIN

- 6.1 Pasukan yang telah mengesahkan penyertaan mestilah bertanggungjawab dan memastikan: -
- a) Mematuhi semua Peraturan Am Pertandingan, Peraturan Tambahan, Undang-Undang Permainan dan Peraturan Tata tertib yang melibatkan Liga Futsal IPT (LFIPT).

- b) Bersetuju menerima semua keputusan mengenai pengurusan pentadbiran dan pengelolaan LFIPT yang telah ditetapkan oleh JKP, JKTP, Pengarah Pertandingan atau Urusetia.
- c) Mematuhi semua keputusan Pengadil dan lain-lain keputusan yang dibuat oleh lain-lain Pegawai Pertandingan serta menyelesaikan masalah atau rungutan mengenai pengelolaan LFIPT berdasarkan semangat kesefahaman, kerjasama dan kesukunan yang tinggi serta berpandukan Peraturan Persatuan atau Peraturan Am Pertandingan atau Undang-Undang permainan.
- d) Pengurus atau Ketua Jurulatih atau lain-lain Pegawai Pasukan mesti hadir mesyuarat, taklimat atau seminar yang diadakan sebelum Pertandingan iaitu pada masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan oleh JKTP atau Penganjur.
- e) Melaksana dan menegakkan prinsip 'Fair Play' sepanjang perlawanan Futsal.
- f) Mengambil tindakan segera sebarang teguran, arahan oleh mana-mana Pegawai Perlawanan, atau pekeliling yang dikeluarkan oleh JKP dan JKTP mengenai pengelolaan dan pengurusan Futsal.
- g) Menerima semua kemudahan atau kelengkapan yang disediakan oleh pihak Penganjur.
- h) Pasukan hendaklah memastikan semua pemain diberikan penerangan berkaitan perkara berikut: -
 - i. Peraturan Am Pertandingan, Peraturan Tambahan, Undang-Undang Permainan Liga Futsal IPT (LFIPT).
 - ii. Peraturan Pemain Pinjaman dan status pemain tempatan/antarabangsa.
 - iii. Peraturan Tatatertib LFIPT.
 - iv. Peraturan kawalan dadah (*Dopping*).
 - v. Peraturan Fair Play.
 - vi. Pengelolaan Perlawanan dan Organisasi Teknikal Perlawanan.

- vii. Pasukan memberi pengakuan bahawa tidak menuntut sebarang ganti rugi daripada Penganjur, IIUM, FAM, IPT, Pegawai Pertandingan atau penaja bersabit dengan kemalangan, kecelakaan, kerosakan, kecurian iaitu pada sebelum, semasa dan selepas Pertandingan.
- 6.2 Pemain IPT tempatan yang telah mengesahkan pendaftaran dalam pertandingan ini, secara automatik memberi persetujuan untuk mewakili pasukan kebangsaan atau Pasukan KPT-PSTMustangs (PST) sekiranya terpilih.
- 6.3 "Startlist" hendaklah dilakukan **60 minit sebelum** masa rasmi perlawanan pasukan mengikut jadual pertandingan. Denda sebanyak **RM 100.00** (Ringgit Malaysia; Satu Ratus Sahaja) akan dikenakan sekiranya pasukan lewat untuk mengemukakan "Startlist" kepada Urusetia.
- 6.4 Pemain yang tidak didaftarkan di dalam "startlist" dan didapati bermain akan dikenakan tindakan mengikut Peraturan Am Pertandingan Perkara 8.

PERKARA 7: LESEN PEMAIN DAN PEGAWAI

- 7.1 Semua pemain dan pegawai mestilah mempunyai lesen yang dikeluarkan dan disahkan oleh JKTP tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 7.2 Lesen pemain dan pegawai ini sah laku hingga tamat pertandingan berkenaan kecuali dibatalkan atau dilanjutkan tempohnya oleh JKTP.
- 7.3 Penambahan dan pertukaran pendaftaran pemain atau pegawai baru atau pengeluaran lesen yang hilang atau rosak, hendaklah dilaporkan segera kepada Penganjur atau JKTP.
- 7.4 JKTP akan memberikan ruang setiap IPT mendaftar pemain atau pegawai dan pengeluaran lesen baru pada minggu pertama pada bulan Julai dan September tahun kejohanan **TANPA** sebarang caj dikenakan.
- 7.5 Sekiranya masih terdapat penambahan atau pertukaran pendaftaran pemain atau pegawai baru atau pengeluaran lesen baru atau yang hilang atau rosak atau sebarang pertukaran maklumat selepas itu akan dikenakan caj **RM100.00** setiap lesen yang dikeluarkan dan mesti mendapat kelulusan JKTP atau Penganjur.
- 7.6 Lesen hendaklah ditunjukkan kepada pegawai pertandingan sebelum atau pada bila-bila masa yang diperlukan untuk tujuan pemeriksaan dan

pengesahan. Jika pegawai atau pemain gagal menunjukkan lesen semasa pemeriksaan oleh pegawai pertandingan, maka pegawai atau pemain tersebut dikira tanpa lesen.

- 7.7 Pegawai tanpa lesen atau tidak mendaftar di dalam Pasukan sebelum bermulanya sesuatu perlawanan, tidak boleh berada di bangku simpanan, kawasan teknikal, bilik persalinan Pasukan serta tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa aktiviti Pasukan di dalam semua perlawanan LFIPT.
- 7.8 Pemain tanpa lesen adalah tidak layak atau tidak boleh bermain dalam semua perlawanan LFIPT. JKTP boleh mengambil tindakan sewajarnya ke atas Pasukan, pegawai dan Pemain jika didapati mana-mana Pasukan menurunkan pemain yang tidak layak tertakluk kepada hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Peraturan Am Pertandingan.
- 7.9 Pemain yang sedang menjalani hukuman tatatertib yang ditetapkan oleh JKP atau FAM dikehendaki menyerahkan lesen mereka kepada JKTP atau JKP dan sekiranya **GAGAL** berbuat demikian. Pasukan dan pemain adalah tertakluk kepada hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Peraturan Am Pertandingan.
- 7.10 Pegawai tanpa lesen adalah tidak layak atau tidak boleh berada di dalam semua perlawanan di dalam LFIPT. JKTP boleh mengambil tindakan hukuman dan denda ke atas Pasukan dan Pegawai mengikut Perkara 8; Peraturan Am Pertandingan.
- 7.11 Pegawai yang didapati bersalah telah memberi atau membenarkan atau menyerahkan lesen miliknya bagi digunakan oleh pegawai lain di dalam pasukannya boleh dikenakan tindakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Peraturan Am Pertandingan.
- 7.12 Pegawai yang sedang menjalani hukuman tatatertib yang ditetapkan oleh JKP atau FAM dikehendaki menyerahkan lesen mereka kepada JKTP dan sekiranya **GAGAL** berbuat demikian. Pasukan dan pegawai adalah tertakluk kepada menerima hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Peraturan Am Pertandingan.

PERKARA 8: PEMATUHAN DAN PELANGGARAN PERATURAN

- 8.1 Integriti di dalam mematuhi semua Undang-undang dan Peraturan Am Pertandingan LFIPT mengenai pengurusan dan pentadbiran dalam penyertaan Pertandingan adalah menjadi tanggungjawab dan tertanggungjawab ke atas pasukan, pegawai, pemain, penyokong atau penonton.
- 8.2 Mana-mana, Pemain, Pegawai atau Pasukan yang terlibat dalam kesalahan-kesalahan berikut boleh dikenakan tindakan oleh JKTP dan Jawatankuasa Tatatertib: -
 - (a) Memalsu atau bersubahat memalsukan apa-apa dokumen Kejohanan termasuk "startlist" atau borang penyertaan dan maklumat pemain;
 - (b) Memberi, menerima atau cubaan memberi atau menerima rasuah berkaitan Kejohanan;
 - (c) Mengatur keputusan perlawanan atau Kejohanan;
 - (d) Gagal ujian saringan anti doping yang dijalankan di dalam Kejohanan;
 - (e) Kesalahan disiplin atau tingkah laku yang dirujuk oleh pengadil perlawanan termasuk pergaduhan, memberi ancaman dan apa-apa tindakan yang boleh ditakrifkan di bawah kesalahan disiplin;
 - (f) Menyamar sebagai pemain atau pegawai Kejohanan bagi sesuatu kepentingan;
 - (g) Bergaduh atau mengotorkan di kawasan Kejohanan;
 - (h) Mengeluarkan perkataaan atau isyarat lucu atau kurang sopan kepada mana-mana pemain, pegawai, pasukan atau penonton Kejohanan;
 - (i) Menimbulkan kacau ganggu, provokasi, atau kegusaran yang boleh mengganggu kelancaran perjalanan dan penganjuran Kejohanan;
 - (j) Menganggu, menghalang atau menyebabkan gangguan atau halangan kepada mana-mana pegawai pertandingan melaksanakan tugas;
 - (k) Menyalahgunakan lesen pegawai atau pemain bagi apa-apa

tujuan;

- (l) Mencemar nama baik penganjur dan kejohanan;
 - (m) Merosakkan atau cuba merosakkan peralatan atau kemudahan di venue Kejohanan;
 - (n) Membuat provokasi atau menghasut;
 - (o) Gagal, cuai atau ingkar mengikuti sebarang arahan oleh Jawatkuasa Teknikal Pertandingan; atau
 - (p) Apa-apa kesalahan lain yang dirasakan oleh Jawatkuasa Pelaksana suai manfaat bagi kelancaran Kejohanan.
- 8.3 Pasukan, atau pegawai atau Pemain yang mengingkari perkara 8, perenggan 8.2.2 boleh dikenakan hukuman dan denda seperti berikut: -

8.3.1 Hukuman dan denda bagi Pasukan *(Rujuk Peraturan Tatatertib LFIPT)*

- a) Pasukan didenda tidak melebihi RM5,000.00 (*Ringgit Malaysia: Lima Ribu sahaja*);
- b) Pasukan dikira kalah dan kemenangan diberikan kepada pasukan yang satu lagi dengan 3 mata dan jaringan gol 3-0 atau lebih semasa perlawanan dihentikan atau perlawanan tamat;
- c) Pasukan terkeluar daripada pertandingan dan semua perlawanan terdahulu tidak dikira serta digantung automatik untuk beberapa perlawanan atau tidak melebihi dua (2) tahun atau tidak melebihi dua (2) musim;
- d) Memotong mata perlawanan Pasukan;
- e) Pasukan mestilah memulangkan balik piala, medal atau hadiah wang tunai yang telah diterima. Wang tunai hendaklah dipulangkan sepenuhnya mengikut jumlah yang diterima;
- f) Pendaftaran pasukan terbatal serta merta;

- g) Pasukan yang menarik diri selepas pengesahan penyertaan tetapi sebelum undian akan dikenakan denda tidak melebihi RM 500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- h) Pasukan yang menarik diri semasa undian akan didenda tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- i) Pasukan yang menarik diri selepas undian tetapi sebelum perlawanan pertama akan didenda tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- j) Mana-mana Pasukan yang mengotor atau melakukan apa-apa perbuatan yang menganggu kelancaran pertandingan dengan persetujuan JKTP, maka Pasukan tersebut akan didenda tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja).
- k) Pasukan yang menarik diri selepas perlawanan pertama akan didenda tidak melebihi RM2, 000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- l) Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain setelah melayakan diri pada mana-mana tahap pertandingan atau diarahkan bermain oleh JKTP akan didenda tidak melebihi RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- m) Sekiranya mana-mana pasukan mengugut menarik diri dari pertandingan selepas penyertaan ditutup dan sebelum pertandingan bermula akan didenda tidak melebihi RM 5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- n) Mana-mana Pasukan yang gagal, menamatkan perlawanan, tanpa mendapat persetujuan JKTP, maka Pasukan tersebut akan didenda tidak melebihi RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja). Pasukan tersebut dikira terkeluar dari Pertandingan;
- o) Amaran keras; dan

- p) Boleh dikenakan mana-mana hukuman atau mana-mana kombinasi.

8.3.2 Hukuman dan denda bagi Pemain dan Pegawai Pasukan *(Rujuk Peraturan Tatatertib LFIPT)*

- a) Pemain atau Pegawai Pasukan boleh didenda tidak melebihi RM2,000.00. (*Ringgit Malaysia: Dua Ribu sahaja*);
- b) Pemain atau Pegawai terkeluar daripada pertandingan dan digantung selama tidak melebihi dua (2) tahun;
- c) Pemain atau Pegawai mestilah memulangkan balik medal atau hadiah wang tunai yang telah diterima. Wang tunai hendaklah dipulangkan sepenuhnya mengikut jumlah yang diterima;
- d) Pendaftaran Pemain atau Pegawai terbatal serta merta;
- e) Pemain yang menjalani hukuman penggantungan automatik, mesti melaksanakan hukuman pada perlawanan berikutnya iaitu selepas perlawanan yang ia menerima hukuman;
- f) Pegawai yang diperintah keluar daripada kawasan teknikal hendaklah menjalani hukuman satu (1) penggantungan dan melaksanakan hukuman pada perlawanan berikutnya iaitu selepas perlawanan yang ia menerima hukuman;
- g) Pemain yang menerima dua (2) kad kuning di dalam perlawanan yang berlainan di peringkat liga atau Peringkat Kumpulan akan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya di mana pasukannya bermain;
- h) Kad kuning bagi setiap pemain akan dibawa sehingga ke penghujung kejohanan LFIPT iaitu Piala LFIPT, jika pasukannya layak;
- i) Pemain yang mendapat satu (1) kad merah kerana kesalahan menerima dua (2) Kad Kuning dalam satu perlawanan digantung automatik satu (1) perlawanan berikutnya di mana Pasukannya bermain;

- j) Pemain yang mendapat satu (1) Kad Merah terus dalam satu (1) perlawanan akan digantung automatik dua (2) perlawanan berikutnya di mana pasukannya bermain samada di peringkat Liga atau Kalah Mati. Sekiranya kes yang melibatkan keganasan, atau kecederaan atau luar kawalan akan di rujuk kepada Jawatankuasa Tata tertib untuk menentukan hukuman seterusnya;
- k) Mana-mana Pemain yang cubaan atau telah menyerang Pegawai dan Pemain Pasukan yang satu lagi atau menyerang Pegawai Pertandingan atau menyerang sesiapa sahaja yang berada di gelanggang permainan maka Pemain berkenaan akan didenda tidak melebihi RM2,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ribu Sahaja);
- l) Mana-mana Pemain, yang terbukti telah membantu atau bersubhat melakukan apa-apa kesalahan dibawah Peraturan Am Pertandingan akan didenda tidak melebihi RM3,000.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Sahaja) atau penggantungan atau kedua-duanya sekali;
- m) Amaran keras; dan
- n) Boleh dikenakan mana-mana hukuman atau mana-mana kombinasi.

PERKARA 9: FORMAT PERTANDINGAN

9.1. Pusingan Kelayakan

- a) Semua IPT hendaklah menyertai Pusingan Kelayakan LFIPT bagi menentukan atau melayakan pasukan IPT masing-masing ke Liga Premier sahaja dan kecuali pasukan yang telah layak secara automatik yang telah ditetapkan oleh Pengajur dan JKTP.
- b) Merebut tidak melebihi lapan (8) pasukan atau jumlah kosongan pasukan yang terdapat di dalam Liga Premier.
- c) Pusingan kelayakan LFIPT ini terhad kepada **32 penyertaan pasukan** terawal sahaja.
- d) Pengajur bertanggungjawab menentukan format pertandingan di peringkat kumpulan atau pusingan awal.

- e) Pendaftaran penyertaan Pusingan Kelayakan hendaklah dibuat melalui sistem "on line" rasmi yang akan ditentukan tarikh oleh JKTP didalam sesawang www.arenaipt.com.my (liga futsal IPT) bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang.
- f) Pasukan yang layak akan disahkan dan dimaklumkan oleh JKTP didalam sesawang www.arenaipt.com.my (liga futsal IPT).
- g) Pengajur bertanggungjawab menentukan dan memaklumkan jumlah pasukan yang layak daripada peringkat kumpulan atau pusingan awal bagi pertandingan ke peringkat seterusnya atau kalah mati.
- h) Peringkat kalah mati akan dijalankan undian semula.
 - i) Semua Pasukan johan akan di undi terlebih dahulu untuk menentukan kedudukan; dan
 - ii) Semua Pasukan naib johan akan di undi untuk menentukan kedudukan lawan masing-masing.
 - iii) Pasukan Naib Johan akan diundi tidak bertemu pasukan Johan daripada kumpulan yang sama. Kedudukan pasukan akan ditentukan berada berasingan iaitu bahagian atas atau bahagian bawah dalam carta pertandingan kalah-mati.
- i) Dalam menentukan pasukan pemenang bagi Perkara 9 adalah mengikut Perkara 2.0; Undang-undang Permainan.

9.2 LIGA SUPER (L)

- a) Liga ini mengandungi lapan **(8)** pasukan atau jumlah yang akan ditentukan dan dimaklumkan oleh Pengajur mengikut keperluan pada tahun atau musim baru;
- b) Pasukan yang akan terlibat di dalam pertandingan ini adalah lima **(5)** pasukan musim lalu atau lebih dan dua **(2)** pasukan atau lebih di dalam Liga Premier tahun atau musim lalu atau jumlah pasukan akan dimaklumkan dan ditentukan oleh Pengajur sebelum bermulanya tahun atau musim yang baru.

- c) Jika terdapat kekosongan pasukan didalam Liga Super akan dijalankan "playoff" antara pasukan di liga super dengan pasukan liga premier dimana pasukan yang terlibat akan dimaklumkan dan ditentukan oleh Penganjur sebelum bermulanya tahun atau musim yang baru.
- d) Format atau Sistem perlawanan akan dijalankan mengikut liga dan tertakluk kepada Penganjur. Setiap Pasukan akan bermain sesama sendiri bagi mengumpul mata dan menentukan kedudukan di dalam liga.
- e) Liga Super ini akan dijalankan di dalam pusingan atau fasa dan tertakluk kepada Penganjur. Mata pasukan akan dikumpul di pusingan atau fasa. Pasukan yang mengumpul mata tertinggi akan dikira juara, kedua tertinggi selaku naib juara, ke 3, ke 4 dan seterusnya.
- f) Dalam menentukan pasukan yang menjadi juara, kaedah digunakan adalah mengikut Perkara 9; Peraturan Am Pertandingan.
- g) Pengesahan penyertaan pasukan di Liga Super hendaklah di buat melalui sistem "on line" rasmi yang akan ditentukan tarikh oleh JKTP dan pasukan akan disahkan terlebih dahulu oleh JKTP di dalam sesawang www.arenaipt.com.my (liga futsal IPT) bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang.

9.3 LIGA PREMIER (L)

- a. Liga ini mengandungi dua belas (**12**) Pasukan atau jumlah yang akan ditentukan oleh Penganjur mengikut keperluan pada tahun atau musim baru.
- b. Jumlah pasukan yang akan kekal tidak melebihi empat (**4**) pasukan di tahun atau musim lalu atau jumlah pasukan akan dimaklumkan dan ditentukan oleh Penganjur sebelum bermulanya tahun atau musim yang baru.
- c. Format atau Sistem perlawanan akan dijalankan mengikut sistem liga atau fasa dan tertakluk kepada kesesuaian Penganjur. Setiap pasukan akan bermain sesama sendiri bagi mengumpul mata dan menentukan kedudukan didalam liga.

- d. Liga Premier ini akan dijalankan di dalam pusingan atau fasa atau kumpulan dan tertakluk kepada Penganjur. Mata pasukan akan dikumpul di pusingan atau fasa. Pasukan yang mengumpul mata tertinggi akan dikira juara, ke dua tertinggi selaku naib juara, ke 3, ke 4 dan seterusnya.
- e. Dalam menentukan pasukan yang menjadi juara kaedah digunakan adalah mengikut Perkara 9; Peraturan Am Pertandingan
- f. Pengesahan penyertaan pasukan di Liga Premier hendaklah dibuat melalui sistem "on line" rasmi yang akan ditentukan tarikh oleh JKTP dan pasukan akan disahkan terlebih dahulu oleh JKTP di dalam sesawang www.arenaipt.com.my (liga futsal IPT) bermula pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang.
- g. Bagi pasukan juara dan naib juara di dalam Liga Premier akan layak secara automatik bertanding di dalam Liga Super pada tahun berikutnya.
- h. Jika terdapat kekosongan pasukan di dalam Liga Super akan dijalankan "playoff" antara pasukan di liga premier dengan pasukan liga super dimana pasukan yang terlibat akan dimaklumkan dan ditentukan oleh Penganjur.
- i. Pasukan yang menang akan layak bertanding di dalam liga Super dan pasukan yang kalah akan bermain di dalam Liga Premier.
- j. Jumlah pasukan Liga Premier yang akan tersingkir pada musim baru adalah tidak kurang daripada enam (**6**) pasukan atau jumlah yang akan ditentukan dan tertakluk kepada kesesuaian oleh Penganjur.

9.4 PENENTUAN PASUKAN PEMENANG ATAU TERATAS

- 9.4.1 Dalam pertandingan liga atau fasa, penentuan Pasukan teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah mengikut susunan hirarki seperti berikut: -
 - a) Pasukan yang mendapat mata yang tertinggi, dikira sebagai pemenang.

- b) Pasukan yang mempunyai perbezaan gol terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;
- c) Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol terbanyak dikira sebagai pemenang, jika sama;
- d) Jika terdapat dua **(2)** atau lebih pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang adalah seperti berikut:
 - i) Pasukan yang mendapat jumlah mata yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
 - ii) Pasukan yang mempunyai perbezaan gol yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
 - iii) Pasukan yang mempunyai jumlah jaringan gol yang terbanyak di antara pasukan-pasukan terlibat, jika sama;
 - iv) Sepakan dari tanda penalti jika hanya dua (2) Pasukan yang terlibat dan kedua-duanya masih di gelanggang Permainan, jika sama;
 - v) Menggunakan Kriteria *Fair Play* seperti perkara 9.4.2 jika sama;
 - vi) Undian mengikut kaedah yang diputuskan oleh JKTP hingga mendapat keputusan yang mana adalah muktamad.

9.4.2 Penentuan kedudukan dalam kumpulan menggunakan kriteria *Fair Play* sebagaimana yang diperuntukkan dalam pengiraan mata di dalam Perkara 9, skor yang lebih sedikit dikira mengikut bilangan kad kuning dan merah yang di terima dalam kumpulan perlawanan akan di kira seperti berikut:

- i) Setiap pasukan akan menerima mata bagi penerimaan kad merah dan kuning seperti berikut:-
 - a) setiap kad kuning - satu (1) mata;
 - b) 2 kad kuning mengakibatkan merah akan tolak 3 mata;

- c) setiap kad kuning dan diikuti dengan kad merah langsung - empat (4) mata;
 - d) setiap kad merah langsung - tiga (3) mata;
- 9.4.3 Pasukan yang menerima paling sedikit mata akan menduduki tempat yang tertinggi.
- 9.4.4 Dalam pertandingan kalahmati 1 pusingan atau Perlawanan Akhir 1 pusingan, penentu pemenang adalah mengikut hirarki berikut:
- a) Pasukan yang menang dalam Perlawanan penuh masa Permainan; jika seri
 - b) Keputusan perlawanan masa tambahan; jika seri
 - c) Pasukan yang menang sepakan dari tanda penalti mengikut Peraturan FIFA dikira sebagai pemenang;
 - d) Jika masih lagi tiada penyelesaian maka Pengarah Pertandingan atau Pengurus JKTP akan membuat keputusan yang mana ia adalah muktamad.

9.5 PIALA LFIPT (L)

- a. Piala LFIPT merupakan pertandingan bagi merebut Piala Pusingan LFIPT. **Dua Belas (12)** pasukan terdiri daripada **Lima (5)** daripada **Liga Super**, **Tiga (3)** pasukan daripada **Liga Premier** dan **satu (1)** pasukan daripada **Liga LFIPT (Borneo)** atau jumlah pasukan yang akan ditentukan oleh Penganjur dan keputusan Penganjur adalah muktamad.
- b. Bagi melengkapkan **tiga (3)** kekosongan pasukan di dalam merebut Piala LFIPT maka Penganjur akan mengadakan perlawanan semula (play off) ataupun memilih pasukan terbaik berdasarkan pencapaian di dalam liga dan keputusan Penganjur adalah muktamad.
- c. Sistem Perlawanan akan dijalankan mengikut sistem liga satu pusingan atau kumpulan yang akan ditentukan oleh Penganjur. Setiap pasukan dalam liga atau kumpulan akan bermain sesama

sendiri bagi menentukan pemenang untuk pusingan seterusnya atau penentuan Juara, Naib Juara, Ke-3 dan; atau seterusnya.

- d. Dua pasukan teratas atau mengumpul mata tertinggi dari setiap kumpulan akan bermain diperingkat suku akhir iaitu sistem kalah-mati dan seterus pemenang akan bermain di dalam peringkat separuh akhir.
- e. Pemenang peringkat separuh akhir akan bermain untuk pertandingan akhir manakala pasukan yang kalah tiada perlawanan tempat ke 3 dan ke 4.
- f. Pertandingan **Piala LFIPT (L)** secara Kumpulan ditentukan format pertandingan seperti berikut:

- (i) Format 3 pasukan dalam satu kumpulan;

KUMPULAN A	KUMPULAN B	KUMPULAN C	KUMPULAN D
SL1		SL3	SL4
PO3/PL4		SL6	PO1/SL5
LB		PL2	PL1

- ii) Pertandingan Suku Akhir Piala LFIPT bagi kategori yang dipertandingkan;

SUKU AKHIR 1	SUKU AKHIR 2	SUKU AKHIR 3	SUKU AKHIR 4
JOHAN 1		JOHAN 3	JOHAN 4
NAIB JOHAN 1		NAIB JOHAN 3	NAIBJOHAN 4

- iv) Semua pasukan yang berjaya melayakkan diri ke peringkat suku akhir akan dijalankan undian semula bagi menentukan kedudukan seperti di atas;
- v) Semua pasukan johan akan diundi terlebih dahulu untuk menentukan kedudukan SA1, SA2, SA3 dan SA4.
- vi) Semua pasukan naib johan akan diundi untuk menentukan kedudukan tempat SA1, SA2, SA3 dan SA4.
- (vi) Perlawanan separuh akhir bagi Piala LFIPT bagi kategori yang dipertandingkan.

SEPARUH AKHIR			
Pemenang 1/2	Iwn	Pemenang 5/6	Pemenang 7/8
Pemenang 3/4	Iwn	Pemenang 9/10	Pemenang 11/12

vii) Perlawanan akhir Piala LFIPT bagi kategori yang di pertandingkan.

AKHIR		
Pemenang S1	Iwn	Pemenang S2

- g. Pertandingan **Piala LFIPT (L)** secara kalah-mati;
- h. Sistem Perlawanan akan dijalankan mengikut sistem liga satu (1) pusingan; atau dua (2) pusingan yang akan ditentukan oleh Penganjur. Setiap pasukan akan bermain sesama sendiri bagi penentuan Juara, Naib Juara, Ke-3 dan seterusnya.

9.6 PIALA LFIPT (W)

- a. Piala LFIPT merupakan pertandingan bagi merebut Piala Pusingan LFIPT. Enam (6) pasukan terdiri atau jumlah pasukan yang akan ditentukan oleh Penganjur dan keputusan Penganjur adalah muktamad.
- b. Sistem Perlawanan akan dijalankan mengikut sistem liga satu (1) pusingan; atau dua (2) pusingan yang akan ditentukan oleh Penganjur. Setiap pasukan akan bermain sesama sendiri bagi penentuan Juara, Naib Juara, Ke-3 dan seterusnya.

PERKARA 10: MATA PERLAWANAN

- a) Menang - 3 mata
- b) Seri - 1 mata
- c) Kalah - 0 mata

PERKARA 11: UNDIAN DAN JADUAL PERTANDINGAN

- 11.1 Pengundian akan dijalankan melalui sistem undian berkomputer atau elektronik atau secara manual mengikut bilangan yang dipersetujui di dalam taklimat pengurus pasukan.
- 11.2 Jika sesuatu pertandingan memerlukan undian Pasukan ke dalam kumpulan-kumpulan atau undian Pasukan ke pusingan kedua, Suku Akhir, Separuh Akhir atau Klasifikasi kedudukan ke 5 hingga ke 8 atau

seterusnya, hendaklah seperti yang diputuskan oleh JKTP dan ianya adalah muktamad

- 11.3 JKTP hendaklah menyemak jadual pertandingan yang disediakan oleh Sekretariat setelah disahkan hendaklah diedarkan dengan apa cara sekalipun kepada semua Pasukan yang mengambil bahagian sebelum bermulanya pertandingan.
- 11.4 Pasukan wajib mematuhi Jadual Pertandingan tersebut dengan sebaik-baiknya.

PERKARA 12: MASA PERMAINAN

- 12.1 **Pusingan Kelayakan (Liga Premier):** Masa permainan ialah 20 minit bagi separuh masa pertama dan 20 minit bagi separuh masa kedua (*running time*) dan tertakluk kepada Penganjur dengan dua (2) kali penghentian masa selama satu (1) minit setiap separuh masa permainan (*time out*). Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 5 minit, kecuali dengan izin Pengadil.
- 12.2 **Liga Super, Liga Premier & Piala LF IPT:** Masa permainan ialah 20 minit bagi separuh masa pertama dan 20 minit bagi separuh masa kedua (*stopped time*) dengan dua (2) kali penghentian masa selama satu (1) minit setiap separuh masa permainan (*time out*). rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi lima (5) minit, kecuali dengan izin Pengadil.
- 12.3 **Bagi kategori wanita:** masa permainan ialah 15 minit bagi separuh masa pertama dan 15 minit bagi separuh masa kedua (*running time*) dengan 2 kali Penghentian Masa selama 1 minit setiap separuh masa permainan (*Time Out*). Rehat pada separuh masa hendaklah tidak melebihi 5 minit, kecuali dengan izin Pengadil.
- 12.4 Tiada masa tambahan bagi perlawanan dalam peringkat kumpulan. Masa tambahan hanya untuk perlawanan menentukan keputusan iaitu perlawanan kalah mati (*knock out*), yang disebabkan oleh tiada keputusan dalam tempoh permainan biasa. Tempoh permainan tambahan masa juga mesti dijalankan dalam dua (2) bahagian iaitu lima (5) minit bagi *running time* dan tiga (3) minit bagi *stopped time* setiap bahagian tanpa waktu rehat.

- 12.5 Sekiranya permainan perlu disambung ke masa tambahan, tiada pemain dibenarkan meninggalkan gelanggang tanpa kebenaran pengadil perlawanan di akhir permainan masa sebenar.
- 12.6 Sekiranya berlaku sesuatu pergaduhan melibatkan penyokong kedua-dua pasukan yang bertanding di dalam gelanggang dan perlawanan telah melebihi 30 minit masa permainan maka permainan diberhentikan serta merta dan keputusan perlawanan kekal dan akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.
- 12.7 Bagi perlawanan klasifikasi tempat ke 5 hingga ke 8 (jika perlu) di setiap Liga LFIPT, keputusan ditentukan melalui tendangan penalti mengikut undang-undang FIFA.

PERKARA 13: PEGAWAI-PEGAWAI PERTANDINGAN

Pegawai-pegawai pertandingan terdiri daripada;

- 13.1 Pengarah Pertandingan, Penolong Pengarah Pertandingan, Pegawai Perlawanan, Penilai Pengadil, Pengadil, Pengadil Kedua, Pengadil Ketiga dan Penjaga Masa.
- 13.2 FAM akan melantik Pegawai Pertandingan dan Pegawai Perlawanan mengikut keperluan pertandingan dan jumlah gelanggang.
- 13.3 Pihak Pengajur hendaklah menanggung elaun tugas Pegawai Pertandingan dan Pegawai Perlawanan sepanjang liga berlangsung sahaja seperti yang ditetapkan oleh FAM atau tertakluk kepada kemampuan Pengajur dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

PERKARA 14: PENANGGUHAN, PEMBATALAN DAN PENUNDAAN PERLAWANAN

- 14.1 Sekiranya Pengadil berpendapat bahawa perlawanan tidak boleh dimainkan dan dihentikan kerana sebab-sebab luar jangka atau bencana maka perlawanan tersebut akan diputuskan oleh JKTP atau Pengarah Pertandingan yang mana keputusannya adalah muktamad.
- 14.2 Sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan dan tidak disambung semula permainan oleh Pengadil kerana berpunca dari tingkah laku penonton, pegawai atau pemain satu pasukan yang tidak memuaskan seperti yang dilaporkan oleh Pegawai Perlawanan atau pada pendapat Pengadil tiada terjamin keselamatan atau kejadian yang berlaku tidak dapat lagi dikawal atau di luar bidang kuasa Pengadil, atau keengganan Pegawai, Pegawai atau salah satu Pasukan tidak mahu

meneruskan permainan maka JKTP atau Pengarah Pertandingan hendaklah membuat keputusan dan mengambil tindakan atau denda mengikut Perkara 8 kepada yang terlibat.

14.3 Jika sekiranya perlawanan dihentikan atau tidak dimainkan dengan apa jua sebab sekalipun termasuklah memberi kemenangan percuma, maka Pasukan tersebut akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8 Pertandingan Am Pertandingan.

14.4 Perlawanan yang dibatalkan:

- a) Jika perlawanan tidak boleh dimulakan pada masa yang dijadualkan disebabkan Force Majeure, gelanggang yang tidak sesuai untuk bermain, kegagalan lampu limpah berfungsi atau apa-apa sebab lain, prosedur berikut hendaklah diikuti.
 - i) perlawanan mesti ditangguhkan untuk sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit. Semasa tempoh ini, Pengadil boleh memutuskan bahawa Perlawanan boleh bermula sebelum masa 30 minit tamat;
 - ii) selepas berakhir tempoh tiga puluh (30) minit yang pertama, maka tambahan tempoh tiga puluh (30) minit yang kedua boleh dibuat mengikut budi bicara Pengadil untuk membolehkan Perlawanan dimulakan; atau
 - iii) perlawanan itu diisyiharkan dibatalkan oleh Pengadil;
 - iv) setelah tempoh masa tiga puluh (30) minit kedua berakhir, maka Pengadil boleh mengisyiharkan Perlawanan dibatalkan;
 - v) dalam tempoh dua (2) jam pihak JKTP akan membuat keputusan dengan mengambil semua aspek dan pertimbangan organisasi, sama ada Perlawanan boleh dijadualkan semula, atau sama ada apa-apa tindakan lain dan keputusan yang diperlukan untuk meneruskan pertandingan ini.
 - vi) Mana-mana keputusan tindakan tatatertib yang disebabkan oleh Perlawanan dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa.
 - vii) Keputusan yang dibuat di dalam Perkara 14 adalah muktamad.

14.5 Perlawanan yang ditangguhkan:

- a) Jika perlawanan dihentikan oleh pengadil sebelum tamat masa permainan atau pada bila-bila masa tambahan disebabkan oleh 'Force Majeure', di gelanggang yang tidak sesuai untuk bermain, kegagalan lampu limpah berfungsi atau apa-apa sebab lain selain dari pada yang dinyatakan, prosedur berikut hendaklah diikuti:
- i) Perlawanan dihentikan selama tiga puluh (30) minit. Semasa pemberhentian ini, pengadil boleh memutuskan bahawa perlawanan boleh dimulakan sebelum tempoh tiga puluh (30) minit tamat;
 - ii) Selepas berakhir tempoh tiga puluh (30) minit yang pertama, maka Tambahan tempoh masa tiga puluh (30) minit yang kedua boleh dibuat mengikut budi bicara untuk memberangkan perlawanan untuk diteruskan; atau
 - iii) Perlawanan diisyiharkan ditangguhkan oleh pengadil;
 - iv) Dalam tempoh dua (2) jam selepas keputusan penangguhan perlawanan, maka JKTP harus mengambilkira semua pertimbangan aspek dan organisasi, sama ada keputusan perlawanan pada masa pemberhentian itu sah, sama ada perlawanan boleh dibatalkan dan selesai, atau sama ada apa-apa tindakan dan keputusan yang diperlukan untuk meneruskan pertandingan.
 - vi) JKTP akan memutuskan dan menentukan bahawa Perlawanan terhenti perlu diteruskan atau dimainkan semula hendaklah mengikut perkara-perkara seperti berikut;
 - a) perlawanan hendaklah dimainkan semula dengan jaringan yang sama pada minit dan saat di mana permainan dihentikan dan bukannya dimainkan dalam tempoh asal sepenuhnya;
 - b) perlawanan hendaklah dimainkan semula dengan jumlah pemain dan penggantian yang sama pada masa yang ia telah dihentikan pada mulanya;
 - c) tiada penggantian tambahan boleh ditambah kepada senarai pendaftaran Perlawanan pemain atau senarai pendaftaran perlawanan;

- d) mana-mana pemain yang didaftarkan semasa pendaftaran perlawanan dihentikan tidak boleh ditukar ganti;
 - e) apa-apa hukuman yang dikenakan sebelum perlawanan dihentikan adalah kekal dan sah untuk baki perlawanan tertunda;
 - f) sepakmula masa, tarikh dan perlawanan dijadualkan semula hendaklah diputuskan oleh JKTP; dan
 - g) apa-apa perkara lain yang tidak dinyatakan di atas hendaklah diputuskan oleh JKTP menurut budi bicara mutlaknya.
- 14.6 Jika perlawanan dihentikan oleh pengadil sebelum tamat masa permainan yang sepenuhnya atau semasa sebarang masa tambahan disebabkan oleh satu pasukan yang mengambil bahagian terdapat hanya kurang daripada tiga (3) orang pemain di dalam gelanggang, maka perlawanan hendaklah dihentikan dan pasukan yang ada lebih daripada tiga (3) orang pemain di dalam gelanggang permainan akan diisyiharkan sebagai pemenang dengan jaringan 3-0, atau jaringan pada masa terhenti permainan, yang mana lebih tinggi.

PERKARA 15: PERALATAN DAN GELANGGANG

- 15.1 Hanya gelanggang yang diperiksa dan diluluskan oleh JKTP sahaja dibenar untuk digunakan.
- 15.2 Gelanggang mestilah bebas halangan sekurang-kurangnya empat (4) meter dari garisan tepi dan dua (2) meter dari garisan gol.
- 15.3 Bola pertandingan yang digunakan hendaklah seperti yang disediakan oleh Jawatankuasa Pelaksana dan mestilah mematuhi Undang-Undang Permainan Futsal dan diiktiraf oleh FIFA.

PERKARA 16: PAKAIAN

16.1 Warna Pasukan ialah: -

- a) Setiap Pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) set warna Pasukan yang berlainan warna dan berlengan yang telah didaftarkan sahaja di dalam sistem "on line" dan hendaklah dibawa setiap perlawanan LFIPT serta mestilah diluluskan oleh JKTP sebelum bermulanya Pertandingan.
- b) Setiap Pasukan mesti mengisyiharkan dan mendaftarkan warna Pasukan sebagai PTR iaitu Pasukan yang disebut dahulu dalam Jadual Pertandingan dan mesti memakainya di dalam perlawanan tersebut. Pasukan Pelawat (PL) mestilah memakai warna Pasukan yang berlainan dari warna Pasukan PTR.
- c) Jika terdapat persamaan warna Pasukan, dengan syarat PTR memakai warna Pasukan yang disyiharkan sebagai Tuan Rumah, maka Pasukan Pelawat (PL) hendaklah menukar warna Pasukan tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.
- d) Jika sekiranya terdapat persamaan warna Pasukan kerana PTR tidak memakai warna Pasukan yang disyiharkan dan didaftarkan sebagai warna PTR, maka PTR hendaklah menukar warna Pasukan tersebut dengan memakai warna Pasukan set kedua atau set ketiga atau dengan apacara sekali pun menyelesaikan masalah persamaan warna Pasukan.
- e) Jika masih lagi tiada penyelesaian mengenai persamaan warna pakaian Pasukan, maka Pengarah Pertandingan atau Penolong Pengarah Pertandingan mestilah membuat keputusan dan keputusan tersebut mestilah dipatuhi oleh kedua-dua Pasukan.
- f) Jika Perkara 16 masih tidak mendapat penyelesaian dan perlawanan tidak dapat dijalankan, maka Pasukan yang dibuktikan bersalah oleh JKTP akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8 Pertandingan Am Pertandingan.

16.2 Nombor jersi dan seluar: -

- a) Nombor di belakang jersi hendaklah jelas dan tingginya tidak kurang dari 10 inci, manakala nombor di sebelah kanan seluar

ialah 2 inci tinggi dan mestilah sama dengan nombor yang didaftarkan di dalam senarai pendaftaran Pemain.

- b) Nombor jersi mestilah daripada nombor **1 hingga 25** bagi pemain **tempatan** dan tidak boleh ditukar sehingga tamat pertandingan.
- c) Nombor jersi **26 hingga 30** adalah di peruntukan khas untuk pemain Antarabangsa yang telah mendapat kelulusan I.T.C (Identification Transfer Certificate) oleh FAM.
- d) Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8: Pertandingan Am Pertandingan.

16.3 Iklan

- a) Pasukan boleh mempamerkan sebarang jenama atau iklan dengan syarat mendapat kebenaran daripada JKP atau JKTP.
- b) Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8: Pertandingan Am Pertandingan.

16.4 Bib Pasukan

- a) Setiap Pasukan **WAJIB** membawa sekurang-kurangnya Sembilan (**9**) + lima (**5**) helai Bib yang berlainan warna dengan warna jersi yang didaftarkan sebagai PTR atau PL dan hendaklah di pakai oleh pemain-pemain simpanan atau Pegawai jika diarahkan oleh Pegawai Pertandingan semasa berada di bangku simpanan sepanjang masa perlawanan.

16.5 Etika Berpakaian

- a) Semua pemain yang terlibat didalam LFIPT **WAJIB** memakai "tight" atau "thermal" menutipi sepenuhnya bahagian pinggang hingga ke pergelangan kaki. Warna "tight" atau "thermal" hendaklah sama dengan warna seluar.
- b) Warna 'Inner' pemain hendaklah sama dengan lengan jersi pasukan.
- c) Hijab wanita berbentuk "Syrian style" daripada material "Lycra / Cotton" dan tanpa menggunakan sebarang aksesori wanita.

- d) Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Pertandingan Am Pertandingan.

PERKARA 17: HADIAH DAN PIALA PUSINGAN

17.1 Piala Pusingan LFIPT

- a) Pasukan Juara boleh menyimpan mana-mana Piala LFIPT yang dipertandingkan selama tiga (3) bulan dari tarikh ia menjadi Juara. Pasukan juga boleh menulis nama Pasukannya sebagai juara tahun kejohanan pada Piala tersebut. Selepas tiga (3) bulan Piala mestilah dipulangkan kepada Penganjur dalam keadaan baik.
- b) Pasukan mestilah bertanggungjawab ke atas keselamatan Piala dan memastikan tiada sebarang kecacatan atau sebarang kerosakan terjadi ke atas Piala tersebut. Jika Piala hilang atau rosak Pasukan bertanggungjawab membaiki kerosakan tersebut atau jika kerosakan tersebut tidak dapat diperbaiki atau pada pendapat Penganjur ia perlu digantikan dengan Piala baru, maka pasukan mestilah menggantikan dengan Piala yang baru dengan syarat rekabentuk mestilah terlebih dahulu dipersetujui oleh Penganjur.
- c) Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8: Pertandingan Am Pertandingan.

17.2 Piala atau hadiah wang tunai akan ditetapkan oleh JKP atau Penganjur.

PERKARA 18: PROTOKOL PERTANDINGAN DAN OTP.

- 18.1 Sepanjang Kejohanan Bendera "FIFA FAIR PLAY", BENDERA MALAYSIA, BENDERA KEJOHANAN DAN BENDERA PENGELOLA HENDAKLAH SENTIASA DIKIBARKAN DI TEMPAT YANG DITETAPKAN OLEH PENGARAH PERTANDINGAN.
- 18.2 Sebaik-baik sahaja tamat perlawanan pemain kedua-dua Pasukan mesti berkumpul di tengah gelanggang dan bersalamans dengan pemain pasukan yang satu lagi serta dengan kumpulan Pengadil.
- 18.3 Semasa keluar dari gelanggang pemain-pemain Pasukan A akan pergi ke Bangku Simpanan Pasukan B dan sebaliknya iaitu Pemain-pemain Pasukan B akan pergi ke Bangku Simpanan Pasukan A untuk bersalam.

- 18.4 Semua Pasukan, Pegawai dan pemain-pemain mesti mematuhi sepenuhnya "OTP" dan termasuklah "Countdown to kick off" seperti lampiran yang dikeluarkan oleh JKP atau JKTP bagi melicinkan pengurusan perlawanan Futsal dari semasa ke semasa.
- 18.5 Mana-mana Pasukan, Pegawai atau pemain yang gagal mematuhi OTP ini akan dikenakan denda sekurang-kurangnya RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia; Satu Ribu Sahaja) setiap kesalahan OTP yang dilakukan.
- 18.6 Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 4; Pertandingan Am Pertandingan.

PERKARA 19: KENYATAAN AKHBAR

- 19.1 Semua Pasukan termasuk Pegawai dan Pemain tidak dibenarkan membuat sebarang kenyataan akhbar dengan apa jua tujuan sekalipun mengenai pengurusan dan penganjuran kejohanan kecuali dengan kebenaran Penganjur.
- 19.2 Kenyataan akhbar adalah sangat dilarang termasuklah: -
 - 19.2.1 Memanggil sidang media khas
 - 19.2.2 Memberi kenyataan secara lisan atau bertulis kepada media cetak atau elektronik atau media sosial.
 - 19.2.3 Sedar akan kehadiran pihak media semasa membuat kenyataan.
 - 19.2.4 Terdapat dengan jelas nama pegawai atau pemain atau jawatan yang secara khusus di dalam media cetak atau elektronik atau media sosial
- 19.3 Sebarang kenyataan akhbar rasmi hanya diadakan di "Mixed Zone Area" yang disediakan oleh JKP atau LOC sahaja.
- 19.4 Mana-mana Pasukan yang gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Pertandingan Am Pertandingan.

PERKARA 20: KAWALAN DOPING

- 20.1 Setiap Pemain yang menyertai LFIPT mesti mematuhi prosedur doping yang telah ditetapkan dan disiarkan oleh Federation International Football Association (FIFA) / International Olympic Council (IOC) / Football Association Malaysia (FAM) / World Anti-Doping Agency (WADA) dan WASADA.
- 20.2 JKAD berhak mengadakan ujian doping pada hari perlawanan atau sebelum perlawanan atau pada masa Pasukan mengadakan latihan sehari sebelum perlawanan.
- 20.3 Beberapa pemain daripada pasukan yang bertanding di mana-mana peringkat LFIPT boleh diarahkan menjalani ujian doping secara rawak. Sekiranya pemain tersebut ingkar atau gagal mematuhi akan dikenakan hukuman dan denda mengikut Perkara 8; Pertandingan Am Pertandingan.
- 20.4 Semua pemain termasuk pemain simpanan, boleh diarahkan mengambil ujian doping. Mana-mana pemain yang ingkar apabila diarahkan berbuat demikian atau didapati ujian positif akan dirujuk kepada (JKT) untuk tindakan lanjut.

PERKARA 21: BANTAHAN

- 21.1 Sebarang bentuk bantahan sebelum sesuatu perlawanan atau selepas jadual rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan diterima oleh Penganjur dengan bukti yang kukuh dan jelas iaitu dua (2) jam sebelum masa perlawanan pertama pasukan tersebut.
- 21.2 Sebarang bentuk bantahan selepas sesuatu perlawanan atau selepas keputusan rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan diterima oleh Penganjur dengan bukti yang kukuh dan jelas iaitu tiga puluh (30) minit selepas selesainya masa perlawanan rasmi pasukan tersebut.
- 21.3 Setiap bantahan rasmi tersebut hendaklah disertai dengan wang tunai berjumlah RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja. Wang bantahan ini akan tidak dikembalikan jika bantahan ditolak dan dikembalikan jika bantahan diterima. Walau bagaimanapun RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus sahaja) akan ditolak sebagai yuran pemprosesan.
- 21.4 Bantahan akan tertolak dengan sendirinya jika melibatkan sebarang keputusan mengenai perkara-perkara fakta yang telah diputuskan oleh Pengadil di gelanggang perlawanan.

PERKARA 22: JAWATANKUASA PELAKSANA

- 22.1 Jawatankuasa Pelaksana akan bersama-sama pihak tuan rumah akan mengendali pertandingan atas panduan dan kerjasama serta dipersetujui oleh pihak teknikal FAM.
- 22.2 Jawatankuasa Pelaksana bertanggungjawab: -
- a) Di bawah kawalan Pegawai Perlawanan memastikan permainan mengikut "the FIFA Futsal Laws of the Game" dan berlandaskan peraturan pertandingan ini.
 - b) Dengan panduan Pegawai Perlawanan mengambil tindakan disiplin, termasuk hukuman denda seperti termaktub dalam peraturan pertandingan ini.
 - c) Mengganti pasukan yang menarik diri dengan kelulusan JKTP.
 - d) Membuat keputusan bersama-sama Pegawai Perlawanan dalam menghadapi keadaan bencana (force majeure) dengan persetujuan RA
 - e) Semua keputusan yang diputuskan adalah muktamad.

PERKARA 23: JAWATANKUASA TEKNIKAL & PERTANDINGAN (JKTP)

- 23.1 Jawatankuasa ini dianggotai sekurang-kurangnya TIGA (3) ahli jawatankuasa termasuk pengurus terdiri daripada:
- a) Pengurus
 - b) Pengarah Pertandingan
 - c) Ketua Urusetia/Penyelaras Teknikal LFIPT
 - d) Pegawai Unit Pertandingan FAM
 - e) Pegawai Unit Sukan, Penganjur; dan

- 23.2 Tugas atau tanggungjawab JKTP ini adalah;
- a) mengubal Peraturan Am Pertandingan dan bertanggungjawab mengemukakan cadangan bagi meminda mana-mana peraturan;
 - b) mengemaskini dan memaklumkan perubahan-perubahan pindaan Undang-undang permainan terkini kepada semua pasukan terlibat di dalam LFIPT;
 - c) menyediakan perbelanjaan kewangan dan menguruskan perbelanjaan pengelolaan LFIPT;
 - d) merancang dan mengadakan kursus-kursus atau bengkel untuk Penganjur atau LFIPT berkaitan teknikal;
 - e) mengambil langkah-langkah tertentu dan memastikan supaya LFIPT diiktiraf oleh badan sukan kebangsaan;
 - f) mengkaji dan memperbaiki kaedah dan format LFIPT demi meningkatkan mutu kejohanan;
 - g) merancang Takwim LFIPT;
 - h) menguruskan berkaitan Bukan Teknikal dan teknikal LFIPT
 - i) menyediakan dan mengemukakan laporan perbelanjaan LFIPT.

PERKARA 24: JAWATANKUASA BANTAHAN (JKB)

- 24.1 Jawatankuasa bantahan (JKB) dianggotai oleh:
- a) Pengerusi (Pengerusi JKTP)
 - b) Timbalan Pengerusi (KPT) atau Pegawai Sukan IPT tuan rumah yang dilantik;
 - c) Seorang (1) Pengadil (FAM); dan
 - d) 2 (Dua) orang Pengurus Pasukan yang berkecuali
- 24.2 Tugas atau Tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:
- a) mengkaji sebarang bantahan atau permintaan bertulis dan/atau aduan yang dikemukakan oleh pengurus dan/atau pegawai pasukan yang dibuat secara rasmi;

- b) membuat keputusan berdasarkan Peraturan Am Pertandingan, Peraturan Tambahan & Undang-undang Permainan;
- c) sebarang perkara yang melibatkan tata tertib yang mana kertas kes tata tertib ini akan disediakan oleh Urusetia LFIPT untuk di dengar dan menentukan sabit kesalahan oleh JKT di bawah Jawatankuasa Pelaksana; dan
- d) semua keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad.

PERKARA 25: JAWATANKUASA TATA TERTIB (JKT)

25.1 Jawatankuasa Tatatertib (JKT) dianggotai oleh:

- a) Pengurus: (Timbalan Rektor/Timbalan HEPA)
- b) Timbalan Pengurus JKP/KPT;
- c) Pegawai Undang-Undang FAM; dan
- d) Empat (4) orang Setiausaha Agong Majlis Sukan IPT.

25.2 Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah;

- a) Mendengar dan menentukan sabit kesalahan dan menjalankan siasatan pra-prosiding tata tertib berkenaan kesalahan dilaporkan oleh Urusetia LFIPT;
- b) Kesalahan tata tertib yang memerlukan keputusan mesyuarat adalah;
 - i. Kesalahan yang bertentangan dengan undang-undang dan peraturan pertandingan yang dilaporkan atau sampai ke pengetahuan mana-mana Jawatankuasa.
- c) Dalam kes-kes pelanggaran tata tertib yang serius yang melibatkan pemain atau dan pegawai; tindakan Jawatankuasa Tatatertib perlu mengikut panduan yang terdapat dalam "the FIFA Memorandum of Disciplinary Measures atau Peraturan Tatatertib Kejohanan Futsal IPT"; dan
- d) Membuat keputusan mengikut Peraturan Am Pertandingan LFIPT dan semua keputusan Jawatankuasa ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar keperingkat mana sekalipun.

PERKARA 26: JAWATANKUASA RAYUAN (JKR)

- 26.1 Jawatankuasa Rayuan(JKR) dianggotai oleh:-
- a) Pengerusi: Setiausaha Bahagian, Penganjur
 - b) Timbalan Pengerusi, Penganjur
 - c) Pegawai Undang-Undang, IIUM
 - d) Empat (4) orang Pengerusi Majlis Sukan IPT
- 26.2 Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa ini adalah:
- a) Tugas badan ini ialah untuk mengkaji sebarang Rayuan atau permintaan bertulis dan/atau aduan yang dikemukakan oleh pengurus dan/atau pegawai pasukan yang dibuat secara rasmi terhadap keputusan JKT dan JKAD;
 - b) Membuat keputusan berdasarkan Peraturan Am Pertandingan;
 - c) Sebarang perkara yang melibatkan rayuan yang mana kertas kes atau rayuan yang akan disediakan oleh Urusetia LFIPT dibantu oleh Pegawai Penasihat Undang-undang LFIPT untuk didengar dan dibincangkan oleh Jawatankuasa ini.
 - d) Semua keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad dan konklusif.

PERKARA 27: JAWATANKUASA ANTI DOPING (JKAD)

- 27.1 Jawatankuasa Anti Doping (JKAD) dianggotai oleh:-
- a) Pengerusi (Pegawai Perubatan dinamakan oleh Penganjur);
 - b) Dua (2) Pegawai Perubatan yang dilantik oleh Penganjur;
 - c) Pegawai Persatuan Bolasepak Malaysia; dan
 - d) Pegawai Unit Sukan, Penganjur
- 27.2 Tugas atau tanggungjawab JKAD ini adalah:-
- a) mengkaji sebarang kesalahan doping atau permintaan bertulis dan/atau aduan yang dikemukakan oleh pengurus dan/atau pegawai pasukan yang dibuat secara rasmi;
 - b) membuat keputusan berdasarkan Peraturan Am Pertandingan;
 - c) sebarang perkara yang melibatkan Anti Doping yang mana kertas kes yang akan disediakan oleh Urusetia LFIPT dibantu oleh Pegawai

Penasihat Undang-undang LFIPT untuk didengar dan dibincangkan oleh JKAD akan di rujuk kepada Jawatankuasa ini.

- d) Semua keputusan jawatankuasa ini adalah muktamad.

PERKARA 28: PENTADBIRAN

28.1 Kawalan keselamatan, kelakuan pegawai, pemain dan penonton

- a) JKP dan Pengurus Venue hendaklah mengambil langkah-langkah keselamatan dan menyediakan anggota keselamatan yang mencukupi bagi semua perlawanan dalam LFIPT di venue yang ditetapkan kecuali dalam perlawanan akhir.

28.2 PTR dan PL hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas:

- a) Kelakuan baik para pegawai, pemain dan penonton sesuatu pasukan;
- b) Mengambil langkah-langkah keselamatan dan mematuhi sepenuhnya Peraturan Keselamatan FAM;
- c) Kedua-dua Pasukan hendaklah memastikan tiada kejadian yang tidak diingini berlaku; dan
- d) PTR dan PL mestilah mematuhi arahan-arahan semasa JKTP dan lain-lain Jawatankuasa yang berkaitan mengenai kawalan keselamatan ini.

PERKARA 29: LAPORAN PEGAWAI PERLAWANAN

29.1 Borang "start list" perlawanan hendaklah disemak dan disahkan oleh Pegawai Pertandingan FAM. Borang tersebut hendaklah disimpan untuk rekod atau rujukan oleh JKTP dan JKP.

29.2 Laporan insiden hendaklah menggunakan borang khas yang disediakan oleh FAM dan mestilah dibincangkan serta merta sebaik-baik sahaja perlawanan tamat dengan Pengarah Pertandingan, Penolong Pengarah Pertandingan dan juga Pegawai Pasukan berkenaan. Pengarah Pertandingan akan membuat keputusan mengenai insiden tersebut dan mestilah dimaklumkan kepada Pegawai Pasukan yang terlibat.

PERKARA 30: PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN - TUAN RUMAH

- 30.1 Tuan rumah (host) perlu memastikan para pegawai Urusetia, JKP, JKB, JKT, JKR, JKTP, Pegawai FAM, Pengadil dan Pasukan Pelawat disambut dan dilayan dengan baik.
- 30.2 Tuan rumah (host) perlu memastikan kemudahan venue pertandingan atau gelanggang, tempat latihan serta persiapan pertandingan mematuhi piawaian FAM atau PENGANJUR.
- 30.3 Tuan rumah perlu membantu pihak penaja membuat promosi semasa kejohanan ini.

PERKARA 31: HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKAN

- 31.1 Semua hal-hal atau perkara-perkara yang tidak diperuntukan di bawah Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT (LFIPT) ini atau sebarang pengecualian mengenai pematuhan Peraturan ini atau semua perkara-perkara di luar jangka atau mengenai perbezaan tafsiran, akan diputuskan oleh JKP atau Pengarah Pertandingan yang mana keputusannya adalah muktamad dan konklusif.

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan (JKTP)
Liga Futsal IPT (LFIPT),
Pindaan Januari 2022

UNDANG-UNDANG PERMAINAN FUTSAL

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1. Undang-undang permainan adalah mengikut Undang-undang Permainan Futsal yang berkuatkuasa sebagaimana yang diputuskan dan disiarkan oleh FIFA, "the Futsal Laws of the Game" dan terjemahan FAM.
- 1.2. Kiranya terdapat percanggahan atau pertikaian mengenai implementasi atau interpretasi undang-undang permainan, teks undang-undang berbahasa Inggeris adalah lebih berhak diguna pakai.
- 1.3. Peraturan Am Pertandingan Liga Futsal IPT yang berkuatkuasa semasa Kejohanan akan digunakan.

2. PENENTUAN PASUKAN TERATAS ATAU PEMENANG

- 2.1. Dalam Pertandingan liga satu pusingan atau lebih, penentuan Pasukan teratas atau pemenang iaitu setelah tamat semua perlawanan peringkat liga hendaklah merujuk Pertaturan Am Pertandingan Perkara 9; Perenggan 9.4

3. PEMAIN GANTIAN

- 3.1. Hanya sembilan (9) orang maksimum pemain gantian dibenarkan di buat semasa tempoh permainan (Rolling substitutions). Pemain yang telah diganti dibenarkan masuk bermain semula sebagai pemain gantian. Semua prosedur pemain gantian seperti yang terdapat dalam "Futsal Laws of the Game" mesti dipatuhi.

4. PENDAFTARAN PERTANDINGAN

- 4.1. Pendaftaran Asal Pertandingan;

- 4.1.1. Setiap pasukan boleh mendaftar pemain dan pegawai yang mengandungi **TIDAK LEBIH** daripada tiga puluh dua (**32**) orang terdiri dari dua puluh lima (25) orang pemain dan tujuh (7) orang pegawai termasuk seorang Ketua Jurulatih dan seorang First Sports Aider atau juru pulih bertauliah (fisio) melalui Sistem "On Line" yang disediakan oleh pihak JKTP/ JKP sebelum tarikh akhir pendaftaran.

4.1.2 Senarai Pendaftaran Asal hendaklah didaftarkan secara Sistem On Line diserahkan kepada Sekretariat/ JKP sebelum atau pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian Pasukan tersebut boleh didenda RM500.00 . (Ringgit Malaysia: Lima Ratus sahaja)

4.2. Pendaftaran Pertandingan;

- 4.2.1. Semua pasukan boleh mendaftar maksimum 25 pemain dan tujuh (7) orang Pegawai.
- 4.2.2. Setiap pasukan diwajibkan mendaftar seorang Ketua Jurulatih dan seorang juru pulih Bertauliah (First Sports Aider).

4.3. Pendaftaran Perlawanan / "Start List"

Setiap pasukan mestilah mendaftar minimum lapan (8) orang pemain dan maksimum dua empat belas (14) orang Pemain daripada Senarai Pendaftaran Pertandingan di setiap mana-mana Liga di dalam LFIPT sahaja melalui sistem "on line" dua (2) jam sebelum perlawanan bermula. Penyelaras Teknikal dimana-mana liga dan karnival di dalam LFIPT atau Pegawai Pertandingan FAM dan Pengangur akan memastikan setiap pasukan yang terlibat akan mematuhi setiap arahan ditetapkan seperti dalam Jadual "countdown to kick off."

5. UNDIAN RASMI

Pengundian akan dilakukan oleh pihak JKTP bagi menetapkan kedudukan pasukan-pasukan yang bertanding di dalam mana-mana Liga Futsal IPT (LFIPT) atau Peringkat atau Kumpulan. Jawatankuasa Pelaksana akan menetapkan bilangan pasukan dalam mana-mana Liga Futsal IPT (LFIPT). Jadual pertandingan perlu disiapkan sebaik sahaja proses undian selesai. Sistem undian akan dilakukan secara Eletronik atau Manual.

6. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK TERMAKTUB

Mana-mana perkara yang tidak termaktub dalam peraturan ini hendaklah dipertimbangkan dengan budibicara bersama Jawatankuasa Pelaksana dengan nasihat JKTP atau teknikal FAM.

7. SENARAI SEMAKAN (rujuk Lampiran 1 m/s 43-46)

LAMPIRAN 1**SENARAI SEMAKAN
LIGA FUTSAL IPT (LFIPT)**

SENARAI SEMAKAN		
BIL	PERKARA	TINDAKAN/MAKLUMAN
1.	Kelayakan Pasukan	<p>Mendaftar dua puluh lima (25) orang iaitu satu pasukan lelaki dan satu pasukan wanita setiap IPT.</p> <p>Dibenarkan mendaftar lima (5) orang pemain luar Negara/Antarabangsa dan kelima-lima pemain boleh bermain di dalam satu-satu permainan.</p>
2.	Kelayakan Pegawai	<p>Mendaftar 7 (tujuh) orang pegawai.</p> <p>Diwajibkan mendaftar seorang Ketua Jurulatih yang memiliki Lesen Tahap 1 Futsal AFC/FAM atau Lesen C Kejurulatihan Bolasepak.</p> <p>Diwajibkan mendaftar seorang Sports First Aider bertauliah yang memiliki Sijil Diploma Sains Sukan atau Fisioterapi atau Rehabilitasi atau setara denganya.</p>
3.	Kelayakan Pemain	<p>Sah berdaftar dengan IPT masing-masing.</p> <p>Tempoh pengajian tidak kurang dari dua belas (12) bulan dimana-mana peringkat pengajian.</p> <p>Berumur tidak kurang 17 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tahun kejohanan.</p> <p>Seseorang pemain hanya boleh didaftarkan di satu IPT atau pasukan sahaja kecuali mendapat kebenaran Penganjur.</p> <p>Pemain yang bekerja dan menyambung pengajian WAJIB mengemukakan Salinan Surat Pelepasan atau Akuan atau Pengesahan Majikan Sambung Belajar serta Surat Tawaran Pengajian oleh IPT berkenaan</p>

4.	Salinan dokumen untuk Ketua Jurulatih	Lesen Tahap 1 Futsal AFC/FAM atau Lesen C Kejurulatihan Bolasepak.
5.	Salinan dokumen untuk Jurupulih (First Sports Aider)	Sijil Diploma Sains Sukan atau Fisioterapi atau Rehabilitasi atau setaraf dengannya.
6.	Salinan Dokumen Pegawai Pasukan	Pendua Kad Pengenalan Pelbagai Kegunaan bagi semua Pegawai. (KPPK-Kad Pengenalan Baru).
7.	Salinan Dokumen Pemain Pasukan	Resit rasmi pembayaran atau Tuition fees Kad Pelajar Pendua Kad Pengenalan Pelbagai Kegunaan Pasport (pelajar luar Negara/Antarabangsa) I.T.C (pelajar luar Negara/Antarabangsa) Surat Tawaran rasmi IPT Slip Peperiksaan
8.	Pengesahan Dokumen	Kesemua dokumen hendaklah disahkan oleh Pengarah atau Ketua Pusat atau Unit Sukan IPT masing-masing dan di bawa bersama semasa membuat pengesahan lesen kepada JKTP.
9.	Lesen	Pengeluaran lesen pada 1 Jan-31 Mac, minggu pertama Julai dan Minggu pertama September tahun Liga LFIPT tiada sebarang caj dikenakan. Pengeluaran lesen selepas 31 Mac, minggu pertama Julai dan minggu pertama September tahun Liga LFIPT atau pertukaran maklumat selepas lesen dikeluarkan akan dikenakan caj RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus sahaja). Pemain yang sedang menjalani hukuman tatatertib yang ditetapkan oleh JTP atau FAM dikehendaki menyerahkan Lesen mereka kepada JKTP/JKP dan sekiranya GAGAL berbuat demikian pasukan akan didenda sebanyak RM 1,000.00.
10.	Tanggungjawab Pemain	Pemain Tempatan yang berdaftar dengan Liga LFIPT secara automatik memberikan persetujuan mewakili Kebangsaan atau PST-IIUM Mustangs (PST) jika terpilih.

11.	Jersi Pasukan	Bernombor satu-tiga puluh (1-30) dipamerkan bahagian belakang dan hendaklah jelas dan tingginya tidak kurang dari 10 inci , manakala nombor di sebelah kanan seluar ialah 2 inci tinggi .
		Jersi satu-dua puluh lima (1-25) adalah untuk pemain Tempatan.
		Jersi dua puluh lima – tiga puluh (26-30) adalah untuk pemain Antarabangsa
12.	Sidang Akhbar	Hanya dibenarkan di ruangan "Mixed Zone" sahaja.
13.	Kawalan Doping	Beberapa pemain daripada pasukan yang bertanding di mana-mana peringkat Liga LFIPT akan diarahkan menjalani ujian doping secara rawak. Sekiranya pemain tersebut ingkar hukuman dan denda mengikut Perkara 8 akan digunapakai.
14.	Pemain Pinjaman	<p>DIBENARKAN untuk menggunakan atau mendapatkan khidmat atau mengambil tidak melebihi lima (5) orang pemain daripada mana-mana IPT dan tertakluk kepada perkara 4.</p> <p>Setiap pasukan hendaklah mengemukakan Borang Pinjaman Pemain (BPP) kepada pasukan asal bagi tujuan kelulusan.</p> <p>Setiap pasukan hendaklah membuktikan dengan mengemukakan Sijil Pinjaman Pemain (SPP) kepada Urusetia bagi tujuan mendaftar pemain berstatus pinjaman.</p>
14.	Bantahan	<p>Sebarang bentuk bantahan sebelum sesuatu perlawanan atau selepas jadual rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan diterima oleh Penganjur dengan bukti yang kukuh dan jelas iaitu DUA (2) jam sebelum masa perlawanan pertama rasmi pasukan tersebut.</p> <p>Sebarang bentuk bantahan selepas sesuatu perlawanan atau selepas keputusan rasmi diumumkan hendaklah dikemukakan secara bertulis dan diterima oleh Penganjur dengan bukti yang kukuh dan jelas iaitu TIGA PULUH (30) minit selepas selesainya masa perlawanan rasmi pasukan tersebut.</p>

		Setiap bantahan rasmi tersebut hendaklah disertai dengan wang tunai berjumlah RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja. Wang bantahan ini akan tidak dikembalikan jika bantahan ditolak dan dikembalikan jika rayuan diterima. Walaubagaimana pun RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus sahaja) ditolak sebagai wang proses.
--	--	--

Disediakan oleh:

Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan (JKTP)
Liga Futsal IPT (LFIPT)
Pindaan Januari 2022



PERATURAN AM PERTANDINGAN LIGA FUTSAL IPT (LFIPT) (PINDAAN DAN TAMBAHAN)

PERKARA 4: KELAYAKAN

4.1 PASUKAN (PINDAAN)

- 4.1.3 Yuran penyertaan dikenakan mengikut liga seperti berikut;
- c) Liga Wanita sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Sahaja) untuk setiap satu (1) pasukan dan bagi dua (2) pusingan atau fasa.
- 4.1.6 Pasukan-pasukan yang bertanding perlu mengambil kira perkara-perkara berikut:-
- j) Setiap pasukan yang layak ke Liga Super, Liga Premier, Liga Futsal IPT (wanita) dan piala LFIPT **DIBENARKAN** untuk mendaftar atau mendapatkan khidmat tidak melebihi **tiga (3)** orang pemain daripada mana-mana IPT dan tertakluk kepada perkara 4; Peraturan Am Pertandingan LFIPT.

4.2 PEMAIN (PINDAAN)

- 4.2.10 Setiap pasukan yang menyertai LFIPT hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:
- j) Perkara di perenggan tersebut dibatalkan serta merta dan tidak lagi digunakan untuk Pertandingan LFIPT.

- k) Status pemain MPFL pasukan KPT-PST Mustangs;

Dilucutkan serta merta dan mana-mana pihak IPT bebas untuk menggunakan khidmat pemain IPT yang bermain di MPFL dan tertakluk kepada Perkara 4; Perenggan 4.1.6 (j-l) Peraturan Am Pertandingan (pindaan Januari 2022)

PERKARA 8: PEMATUHAN DAN PERLANGGARAN PERATURAN (PINDAAN)

- 8.3 Pasukan, atau pegawai atau Pemain yang mengingkari perkara 8, perenggan 8.2.2 boleh dikenakan hukuman dan denda seperti berikut:-

8.3.2 Hukuman dan denda bagi Pemain dan Pegawai Pasukan (Rujuk Peraturan Tatatertib LFIPT)

- g) Pemain yang menerima tiga (3) kad kuning di dalam perlawanan yang berlainan di peringkat liga atau Peringkat Kumpulan akan digantung automatik satu (1) perlawanan dan menerima enam (6) kad kuning di dalam perlawanan yang berlainan di peringkat liga atau Peringkat Kumpulan akan digantung automatik dua (2) perlawanan berikutnya di mana pasukannya bermain;

PERKARA 14: PENANGGUHAN, PEMBATALAN DAN PENUNDAAN PERLAWANAN (TAMBAHAN)

- 14.7 Bagi sesuatu perlawanan yang telah dimainkan melebihi 36 minit untuk masa penuh permainan dan terdapat pemberhetian atas faktor (cuaca, gelanggang yang tidak sesuai dan membahaya atau lapu gagal berfungsi) melebihi satu (1) jam; dan keputusan perlawanan tersebut terpaksa diberhentikan atau dibatalkan maka keputusan perlawanan semasa perlawanan diberhentikan atau dibatalkan akan terpakai dan keputusan adalah muktamad.

PERKARA 21: BANTAHAN (PINDAAN)

- 21.3 Setiap bantahan rasmi tersebut hendaklah disertai dengan bayaran yang dibuat melalui e-perbankan ke akaun xxxxxxxxxxxx dengan syarat disertakan dengan salinan slip pembayaran atas nama; berjumlah RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja. Wang bantahan ini akan tidak dikembalikan jika bantahan ditolak dan dikembalikan jika bantahan diterima. Walau bagaimanapun RM 100.00 (Ringgit Malaysia: Seratus sahaja) akan ditolak sebagai yuran pemprosesan.